

**Dasar Dominasi Ekonomi Berasaskan Sumber Laut di
Pantai Timur Borneo Utara Semasa Zaman
Kesultanan Sulu (1704-1878)**

Mosli Tarsat¹

Manuskrip diterima: 17 Mei 2018

Diterima untuk penerbitan: 24 Julai 2018

¹ Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysai Sabah, Kota Kinabalu. E-mail: mos_79@ums.edu.my

Abstract

This paper discusses the policy of the Sultanate of Sulu in maritime economic development on the east coast of North Borneo. There are four main policies, namely the policy of economic control; trade monopoly policy; policy of sea-based economic dominance, and; the policy for the practice of piracy and slavery. This paper focuses on the policy of sea-based economic domination, which is a major agenda in economic development on the east coast of North Borneo. The importance of this policy is due to the rapid development of Jolo port and the high demand of China for raw materials. The policy is implemented by the Sulu officials which act as financiers in the activities of collecting, capturing, and marketing. This policy succeeded in achieving the goal to dominate the wealth of marine resources in the seas of the east coast of North Borneo. The success of this policy proved the Sulu Sultanate as a sea-based government as the cornerstone of political and economic power in the Southeast Asian region.

Keywords: *Maritime Economy, Sultanate of Sulu, North Borneo*

Abstrak

Makalah ini membincangkan dasar pemerintahan Kesultanan Sulu dalam pembangunan ekonomi kelautan di pantai timur Borneo Utara. Terdapat empat dasar utama, iaitu dasar pengawalan ekonomi; dasar monopoli perdagangan; dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut, dan; dasar amalan perlanunan dan perhambaan. Makalah ini memfokus dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut, yang menjadi agenda utama

dalam pembangunan ekonomi di pantai timur Borneo Utara. Kepentingan dasar ini adalah berikutan perkembangan pesat pelabuhan Jolo dan permintaan bahan mentah yang tinggi oleh China. Dasar ini dilaksanakan oleh golongan pembesar Sulu yang bertindak sebagai pemodal dalam aktiviti memungut, menangkap dan memasarkan. Dasar ini berjaya mencapai matlamat untuk menguasai kekayaan sumber laut di perairan pantai timur Borneo Utara. Kejayaan dasar ini membuktikan Kesultanan Sulu sebagai sebuah kerajaan yang berpentaskan laut sebagai teras kuasa politik dan ekonomi di rantau Asia Tenggara.

Kata kunci: Ekonomi Kelautan, Kesultanan Sulu, Borneo Utara

Pengenalan

Secara umumnya, sekitar abad ke-18, berlakunya perkembangan pesat pelabuhan Jolo dengan kedatangan pedagang sama ada pedagang luar mahupun pedagang tempatan termasuklah pedagang Cina, pedagang Eropah, pedagang India, pedagang Arab, pedagang Bugis, pedagang Berau, pedagang Bulungan dan Pedagang pembesar Sulu. Kedatangan semua pedagang ini memberi kesan yang besar kepada keunggulan Jolo sehingga menjadi bandar maritim¹ dan setanding dengan pelabuhan lain di rantau Asia Tenggara. Dari semasa ke semasa, seawal tahun 1768 Jolo sudah menjadi *regional emporium* dalam kalangan pedagang-pedagang di Benua China, Eropah dan negara-negara di Asia Tenggara. Semua pedagang ini menjalankan urusniaga di Jolo dengan membawa masuk pelbagai jenis barang dagangan seperti tembikar, kain, rempah ratus, sarang burung, rotan, gula, padi, kapur barus, lilin, serbuk badil dan sebagainya. Pada waktu itu, Jolo telah menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran barang dagangan yang terkenal bukan sahaja di Asia Tenggara malahan di seluruh dunia. Pada masa sama, permintaan bahan

¹ Bandar maritim merujuk kepada pelabuhan utama yang mempunyai kelengkapan infastruktur, gedung penyimpanan dan pemungahan barang niaga, dermaga, rumah penginapan, perkhidmatan kargo dan kemudahan lain untuk tujuan perdagangan yang melibatkan eksport dan import. Dalam konteks era tradisional, bandar maritim dikaitkan dengan empayar, kerajaan, negara dan benua lama sebelum era perindustrian di Eropah. Beberapa bandar awal yang terletak di persisir pantai, seperti sekitar Laut Mediterinian, Laut China Selatan, Selat Melaka dan sebagainya termasuklah Laut Sulu. Dengan itu, bolehlah dikatakan bahawa Kesultanan Sulu yang terletak di Jolo sebagai bandar maritim (*maritime city*). Untuk keterangan lanjut rujuk Carolyn Cartier, *Cosmopolitics and the Maritime World City*, *Geographical Review*, Vol. 89, No. 2, April 1999, hlm. 278-289.

mentah yang tinggi dari China juga turut menjadi asas dalam pembentukan dasar Kesultanan Sulu. Hubungan perdagangan China-Jolo yang berasaskan kepada sumber laut dan hasil hutan telah menyebabkan kesultanan ini menjadi semakin berpengaruh dan makmur. Pedagang China dari Amoy dengan menaiki tongkang dalam jumlah ratusan kapal sama ada bersaiz besar atau kecil ke Jolo setiap tahun. Ini bertujuan untuk mendapatkan komoditi dagangan termasuklah seperti tripang, mutiara, lilin, sarang burung, sirip jerung, kapur barus dan rempah ratus yang boleh diperolehi di pasaran Jolo. Ini memperlihatkan permintaan yang tinggi dari China terhadap sumber laut yang dipasarkan di Jolo di samping permintaan dari pedagang lain.

Melalui keadaan ini, Kesultanan Sulu memerlukan bahan mentah dalam kuantiti yang besar dari wilayah tanah jajahannya termasuklah di pantai timur Borneo Utara. Maka tidak hairanlah mengapa Kesultanan Sulu amat mementingkan ekonomi berasaskan sumber laut berbanding ekonomi tanah daratan. Untuk memenuhi keperluan ini, Kesultanan Sulu telah memperkenalkan satu dasar yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi kelautan iaitu dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut. Dasar ini sangat penting dalam memperolehi sumber-sumber laut dan hutan yang terdapat di pantai timur Borneo Utara. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan dasar tersebut dalam menguasai sumber laut dan kesan pelaksanaannya kepada pembangunan ekonomi Kesultanan Sulu di pantai timur Boreno Utara.

Dasar Dominasi Ekonomi Berasaskan Sumber Laut

Dasar² dominasi ekonomi berasaskan sumber laut merupakan salah satu dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah dalam menguasai sepenuhnya

² Takrifan dasar dalam makalah ini adalah bersifat tradisional, iaitu merujuk kepada perintah sultan yang menjadi panduan dan teras utama untuk kepentingan kesultanan dan masyarakatnya. Istilah dasar pada zaman Kesultanan Sulu belum lagi wujud dalam sumber atau dokumen awal. Tetapi kata perintah sultan itu biasa digunakan dalam istana yang merujuk kepada suatu dasar yang diamalkan oleh masyarakat. Perintah sultan itu adalah satu bentuk kuasa dan undang-undang yang mesti dipatuhi oleh masyarakat. Proses pembentukan dan pelaksanaan dasar semasa Kesultanan Sulu bermula dengan kehendak sultan untuk kepentingan pemerintah dan menjaga kebajikan rakyatnya. Kemahuan sultan itu dibawa ke majlis Rumah Bichara untuk dibincangkan sama ada diluluskan atau ditolak oleh anggota majlis. Di Rumah Bichara, sesuatu usul diputuskan melalui undian anggota majlis dan keputusan itu dicapai mengikut sokongan majoriti. Setelah diluluskan di Rumah Bichara, dasar boleh dilaksanakan atas titah sultan. Dasar itu dilaksanakan oleh golongan pembesar Sulu yang terlibat sebagai pemerintah di peringkat pusat dan wilayah jajahan. Di peringkat bawah, rakyat adalah golongan pengeluar. Untuk keterangan lanjut lihat Mosli Tarsat, *Pembangunan Ekonomi Kelautan di Pantai tTmur Borneo Utara, 1704-1941*, *Tesis Ph.D*, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, 2017, hlm. 13-16; Muhammad Kamil Awang, *The Sultan and the*

sumber-sumber laut yang berada di persisir pantai dan perairan laut atau lautan. Secara prinsipnya, dasar ini adalah satu bentuk pengelolaan dan pengendalian dalam penguasaan terhadap sumber-sumber laut yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi di pasaran. Penguasaan tersebut merujuk kepada satu kelompok atau perseorangan yang mempunyai mandat penuh daripada pemerintah untuk memperolehi komoditi berasaskan sumber laut dalam skala yang besar. Dasar ini telah dilaksanakan oleh Kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara dan menjadi agenda utama dalam pembangunan ekonominya. Dasar ini dilaksanakan berikutan berlakunya perkembangan pesat pelabuhan Jolo dan permintaan bahan mentah yang tinggi dari China khususnya abad ke-18 dan ke-19. Tujuan dasar ini diperkenalkan ialah untuk menguasai kekayaan sumber semulajadi yang terdapat di pantai timur Borneo Utara sama ada sumber laut atau sumber hutan. Sepanjang pemerintahan Kesultanan Sulu (1704-1878), dasar ini amat dititikberatkan dalam pembangunan ekonominya selari dengan kemuculan dan perkembangannya sebagai sebuah kerajaan yang berwajahkan maritim.

Bemula dengan pertapakan awal Kesultanan Sultan Sulu di pantai timur Borneo Utara pada tahun 1704, Sultan Sulu telah menghantar wakilnya terdiri daripada pembesar yang digelar sebagai Datu, Syarif, Tuan dan Pangeran untuk menjalankan pemerintahan asas sebagai bukti ketuanan Sulu di wilayah jajahannya. Untuk memudahkan pemerintahan, mereka telah membahagikan kawasan pantai timur Borneo Utara kepada tiga buah wilayah jajahan, iaitu Marudu, Magindora dan Tirun. Ketiga-tiga wilayah ini mempunyai sistem pemerintahan yang berbeza-beza bergantung dengan corak pemerintah pembesar Sulu dan keadaan penduduk setempat. Terdapat ramai pembesar Sulu yang dihantar oleh Sultan Sulu sebagai wakilnya memerintah di kawasan tersebut. Menurut laporan Alexander Dalrymple³ dan sumber lisan,⁴


Constitution, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 5-6; Samuel K. Tan, *Surat Sug: Letters of the Sultanate of Sulu*, Philipines: National Historical Institute, 2005, hlm XXXII.

³ *An Account of what has passed between The India Directors and Alexander Dalrymple intened as an introduction to plan for extending the commerce of this kingdom, and the Company in the East-Indies by an establishment at Balambangan*, 1769, hlm. 40-50.

⁴ Sumber lisan ini diperolehi daripada Hatta Yunus @ Sawabi, Presiden Persatuan Kebudayaan, kesenian dan Warisan Suluk Sandakan (PUSAKA), Ramli Gari penduduk kampung Trangolit di Pulau Timbang, dan Julaiyah Daud, penduduk kampung Trangolit di Pulau Timbang.

terdapat lebih kurang 37 orang pembesar Sulu yang terkenal dan pernah memerintah di daerah kekuasaan Kesultanan Sulu sebelum tahun 1878. Antaranya, Syarif Usman (Teluk Marudu), Syarif Yassin (Sungai Sugut), Datu Mohamad Ismael (Teluk Labuk/Lingkabo), Datu Hadji Ansurudeen (Pulau Timbang), Datu Harun Al-Rashid (Sandakan), Datu Mohamad Ashgari (Sandakan), Tuan Tunggal (Pulau Gaya), Maharaja Alam (Pulau Omaddal), Panglima Abdul Rahman (Teluk Sandakan), Pangeran Samah (Malapi), Maharaja Imin (Semporna), Tuan Abandol (Sungai Sandakan) dan sebagainya.

Peta 1: Wilayah Kesultanan Sulu di Borneo Utara pada Abad Ke-18 dan Ke-19



Sumber: Berdasarkan penelitian pengkaji dalam wilayah-wilayah Kesultanan Sulu di Borneo Utara pada abad ke-18 dan ke-19.

Namun, tiada bukti atau rekod yang diperolehi yang menunjukkan golongan pembesar sulu memerintah kawasan yang luas.

Kesultanan Sulu hanya dapat memerintah dan menguasai dengan hanya diwakili oleh pembesar yang terdiri daripada kaum kerabatnya. Pembesar Sulu ini terlalu jauh dari Jolo sehinggakan daerah pemerintahan di Borneo Utara cukup otonomi atau terlalu bebas dari kuasa kerajaan Kesultanan Sulu. Keadaan ini menyebabkan peluang kerajaan pusat di Jolo untuk menguasai keseluruhan wilayah dan penduduk Borneo Utara adalah terlalu longgar dan tipis.⁵

Daripada ketiga-tiga wilayah Kesultanan Sulu seperti yang dinyatakan di atas, jelas menunjukkan bahawa dasar pemerintahan Kesultanan Sulu lebih mengutamakan wilayah Magindora sebagai pusat pemerintahan dan pusat ekonomi utama berbanding dengan wilayah Marudu dan Tirun. Ini kerana bagi Sultan Sulu wilayah ini bukan sahaja wilayah yang memiliki kekayaan sumber semulajadi seperti tripang, mutiara, sarang burung, lilin, rotan dan emas tetapi juga kedudukan Teluk Sandakan merupakan kawasan pelabuhan yang amat sesuai untuk tujuan perdagangan sama ada perdagangan tempatan mahupun perdagangan antarabangsa. Melihat kepada kepentingan pelabuhan dan potensi ekonomi ini, Sultan Sharafuddin telah meletakkan kawasan ini di bawah pemerintahan anaknya sendiri pada tahun 1791 hingga 1808 dan daerah lain diperintah oleh pembesar Sulu yang lain, seperti Towfan Abai, Kinabatan, Malapi, segama, Pulau Lubukan, Domendung, Seguliud, Tong Luly Luka, Tambisan, Sabahan, Semporna, Omaddal dan Tawau.

Namun dasar pemerintahan kesultanan Sulu di wilayah jajahannya bukanlah untuk kepentingan politik semata-mata tetapi sebenarnya untuk kepentingan ekonomi kesultanan Sulu di Jolo. Ini kerana pada abad ke-18 dan ke-19 telah menyaksikan pelabuhan Jolo semakin berkembang pesat dengan kehadiran pedagang dan permintaan bahan mentah yang tinggi dari China. Keadaan ini telah menyebabkan Kesultanan Sulu memerlukan sumber bahan mentah dalam kuantiti yang besar sama ada sumber laut mahupun sumber hutan. Untuk memenuhi keperluan kedua-dua sumber tersebut, Sultan Sulu telah memperkenalkan dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut di

⁵ James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 7.

pantai timur Borneo Utara. Ini kerana kawasan ini mempunyai potensi yang besar dalam ekonomi kelautan dengan memiliki kekayaan sumber semulajadi terutamanya sumber laut yang diperlukan seperti tripang, mutiara, kulit penyu, sirip ikan jerung, pelbagai spesis ikan, ketam, udang dan sebagainya. Begitu juga dengan sumber hutan seperti sarang burung, rotan, kapur barus, kayu kayan, lilin dan sebagainya. Semua komoditi hasil laut dan hutan utama ini pernah juga dicatatkan oleh Alexander Dalrymple seawal tahun 1769.⁶ Menerusi catatan tersebut terdapat pelbagai komoditi utama di setiap daerah dalam wilayah Kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara (Jadual 3.1).

Dengan kepelbagai komoditi di pantai timur Borneo Utara dan sekitar kepulauan Sulu sama ada sumber berasaskan laut mahupun sumber tanah daratan, menunjukkan bahawa wilayah pantai timur Borneo Utara memiliki kekayaan sumber bahan mentah yang menjadi asas kepada perkembangan ekonomi dan kerancakkan perdagangan kesultanan Sulu pada waktu itu. Kekayaan bahan mentah secara semulajadi terutamanya sumber laut seperti tripang, mutiara, ikan, karang, ketam, udang dan sebagainya menjadi agenda utama dalam dalam pemerintahan sulu yang bercirikan ekonomi maritim. Tambahan pula, golongan pembesar Sulu telah menguasai dan memonopoli semua sumber ekonomi tersebut. Dengan itu, mereka dapat mengumpulkan pelbagai komoditi yang diperolehi dari pantai timur Borneo Utara untuk tujuan menjalankan aktiviti perdagangan antarabangsa khususnya dengan Benua China.

Jadual 1: Komoditi Hasil Laut dan Hutan Mengikut Wilayah dan Daerah di Pantai Timur Borneo Utara Semasa Kesultanan Sulu

Wilayah	Daerah	Komoditi Utama
Marudu (Malloodoo, Malooroo, Maroodo)	Bangkoka	Nipah (neepa), rotan, damar, minyak kayu, bunga lawang, kayu putih, kelapa, lilin, ubi kentang, labu dan buah-buahan
	Teluk Marudu	Pelbagai spesis mutiara, garam, pelbagai spesis ikan dan kulit <i>oyster</i>
	Paitan	Kulit kayu, minyak kayu, camphir dan bunga lawang
	Pulau Banggi	Pelbagai spesis ikan, agar-agar (seaweed)

⁶ *An Account of what has passed between The India Directors and Alexander Dalrymple intened as an introduction to plan for extending the commerce of this kingdom, and the Company in the East-Indies by an establishment at Balambangan, 1769, hlm. 60-72.*

		dan kulit penyu
	Palawan	Pelbagai spesies ikan, mutiara, dammar, kayu lucka, rotan, kulit penyu, lilin, <i>copal</i> dan sarang burung
	Balambangan	Beras, kulit penyu, pelbagai spesies ikan dan mutiara
Magindora (Mangeedara)	Unsang	Sarang Burung, lilin, dammar dan emas
	Teluk Sandakan	Tripang, mutiara, oyster, kulit penyu, pelbagai spesies ikan dan agar- agar
	Tambisan (Tambeesan)	Pelbagai spesies ikan, sarang burung, rotan dan agar-agar
	Teluk Geeong (Teluk Darvel)	Tripang, mutiara, pelbagai spesies ikan dan kulit penyu
	Pulau Gaya	Pelbagai spesies ikan dan mutiara
	Malapi	(?)
	Kinabatangan	Sarang burung, penternakan mutiara, kayu lucka, kayu putih dan rotan
	Towfan Abai	Lilin, emas, rotan, sarang burung dan bunga lawang
	Sabahan	Tripang dan garam
	Semporna	Pelbagai spesies ikan, garam, mutiara, tripang dan agar-agar.
	Lahad Datu	Sarang burung, rotan, lilin, kapur barus, kayu balak, kelapa, dammar dan kayu laka.
Tirun (Tiroon)	Baroongan (Booloongan)	Emas dan minyak
	Sicatack	Mutiara hitam dan sarang burung
	Lee lee dong	Sago, sarang burung, lilin, rotan, emas, garam, <i>sea-slugs</i> dan <i>bezoar</i>
	Tarakan	
	Sambacong	
	Sibuko	
	Maratua	Mutiara, bunga lawang dan <i>sea-slugs</i>

Sumber: Disusun semula dari sumber asal, *An Account of What Has Passed Between the India Directors and Alexander Dalrymple Intened as an Introduction to Plan for Extending the Commerce of this Kingdom, and the Company in the East-Indies by an Establishment at Balambangan*, 1769, hlm. 60-72.

Selain daripada elemen kekayaan sumber laut, elemen pemerintah juga menjadi ciri utama dalam dasar ini. Untuk mencapai matlamat dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut ini,

pemerintah iaitu pembesar Sulu diarahkan oleh Sultan Sulu bertindak sebagai pelaksana dan pemodal dalam membangunkan ekonomi kelautan. Sebagai pemodal, pembesar Sulu telah mengambil lima peranan utama untuk membantu meningkatkan pengeluaran hasil laut dan hutan di setiap wilayah jajahannya. Secara ringkasnya, peranan tersebut ialah; pertama, pembesar Sulu bertanggungjawab membekalkan peralatan menangkap ikan kepada pengeluar yang terdiri daripada pelaut Bajau yang terlibat secara langsung dalam aktiviti perikanan. Kedua, pembesar Sulu bertanggungjawab mendapatkan pelaut atau buruh sebagai tenaga manusia dalam membantu pembangunan ekonomi maritim. Ketiga, pembesar Sulu terlibat dalam membekalkan perahu dan kapal untuk kegunaan penduduk setempat dan pengikutnya yang setia sebagai modal dalam memonopoli sumber laut. Keempat, pembesar Sulu berperanan dalam membekalkan garam kepada perusahaan sumber laut terutamanya dalam kegiatan perikanan di wilayah jajahannya. Kelima, pembesar Sulu juga bertanggungjawab dalam urusan penghantaran hasil-hasil laut dan hutan yang diperolehi di pantai timur Borneo Utara ke Jolo. Semua peranan ini memberi impak yang besar dalam pembangunan ekonomi berasaskan sumber laut dari penangkapan dan pemungutan hinggalah kepada pemasarannya.

Sebagai contoh dalam membekalkan peralatan menangkap ikan, pada abad ke-18 dan ke-19, peralatan perikanan yang digunakan adalah merupakan teknologi yang mudah dan berada di tahap yang paling rendah. Pelaut Bajau pada waktu itu sudah memiliki kemahiran membuat peralatan penangkapan ikan seperti pancing, bubu, pukut, lembing, serampang dan rambat yang lebih bertujuan untuk sara diri sahaja.⁷ Dengan peralatan ini sudah tentu pengeluaran sumber laut tidak dapat ditingkatkan dan hasil tangkapan hanya untuk menyara diri dan keluarga sahaja. Melihat keadaan ini, pembesar Sulu membekalkan peralatan menangkap ikan dan memperkenalkan kaedah baru kepada pelaut Bajau khususnya dalam usaha meningkatkan pendaratan sumber laut secara tetap. Mereka tidak hanya bergantung dengan bahan-bahan persekitaran tetapi turut membekalkan bahan-bahan dari luar seperti benang dan tali yang diperdagang oleh saudagar China di kepulauan

⁷ Untuk keterangan lanjut mengenai teknologi dan peralatan menangkap ikan semasa zaman Kesultanan Sulu rujuk Ismail Ali, *Perkembangan Teknologi Menangkap Ikan di Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009, Hlm. 9-21; Ismail Ali, *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Negeri Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 14-16.

Sulu.⁸ Penggunaan benang digunapakai dalam meningkatkan teknologi menangkap ikan seperti rambat dan pukut yang digunakan dalam kelong pada waktu itu. Dengan bekalan ini, peralatan pancing yang digunakan dapat menangkap ikan di kawasan laut yang lebih dalam dan secara tidak langsung pendaratan ikan khususnya jerung dapat ditambah dari semasa ke semasa.

Daripada hasil pendaratan sumber laut ini, pembesar Sulu dapat mencipta kekayaan melalui perdagangan di pusat perdagangan mereka dan berurusanniaga di pelabuhan Jolo disamping dapat memenuhi bekalan sumber ikan untuk keperluan keluarga pemerintah dan penduduk tempatan. Biasanya hasil ikan yang diperolehi dari kelong telah dijadikan ikan kering dan ikan masin.⁹ Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa pembuatan perkakas menangkap ikan semasa Kesultanan Sulu terbahagi kepada dua kategori iaitu peralatan yang digunakan untuk tujuan kegunaan harian dan peralatan yang digunakan untuk keperluan pasaran tempatan dan keperluan pasaran antarabangsa. Dalam hal ini, biasanya pembesar Sulu hanya terlibat membekalkan peralatan menangkap ikan kepada pelaut bajau dan hambanya lebih bertujuan untuk memenuhi keperluan perdagangan luar di pelabuhan Jolo.

Di samping itu, hubungan pembesar Sulu dengan penduduk persisir pantai dan penduduk pedalaman juga merupakan elemen penting dalam dasar ini. Hubungan ni dilihat sangat erat sehingga mewujudkan hubungan dua hala di antara pembesar Sulu dengan penduduk pedalaman dan penduduk persisir pantai bagi memantapkan lagi penguasaan ekonomi. Hubungan ini penting untuk mendapatkan hasil hutan dan laut yang diusahakan oleh penduduk termasuk juga

⁸ Muhammad Raduan Ariff, *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang: Satu Kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*, *Disertasi Ph.D*, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1995, hlm. 82.

⁹ Produk ikan masin dan ikan kering merupakan salah satu produk yang sangat penting pada waktu itu bukan sahaja untuk kegunaan dalam pertukaran barang di kawasan pedalaman untuk memperolehi komoditi hutan tetapi juga untuk memenuhi permintaan pasaran antarabangsa di pelabuhan Jolo dan membekalkan sumber protein kepada penduduk dan hamba yang terlibat dalam industri perikanan. Untuk keterangan lanjut rujuk Ismail Ali, *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Negeri Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 17-18.

pemberian ufti kepada Sultan Sulu. Secara umumnya, pemerintahan kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara telah dibahagikan kepada dua kategori iaitu penduduk persisir pantai yang dikenali sebagai "Tau Higad" (*people of the coast*) dan penduduk pedalaman yang dikenali sebagai "Tau Gimba" (*people of the interior*). Penduduk persisir pantai terdiri daripada orang Suluk, Bajau Laut atau Samal, Buludupi (Orang Sungai), Iranun, Tidong, Bugis, Balangingi dan sebagainya yang terlibat sepenuhnya dalam aktiviti maritim, pemburuan hamba dan perdagangan yang tertumpu di kawasan persisir pantai, teluk dan sungai. Manakala, penduduk pedalaman pula adalah didominasi oleh penduduk Idahan, Murut, dusun dan sebagainya yang mengeksploitasi sumber hutan.¹⁰

Hubungan ini secara langsung berhubungkait dengan konsep ketuanan Sulu di wilayah jajahannya. Terdapat juga sebahagiannya komuniti Bajau yang diketuai oleh ketua Bajau sendiri. Ini kerana sebahagian penempatan terpisah antara satu sama lain di mana perkampungan Bajau diketuai oleh orang Bajau dan perkampungan Suluk diketuai oleh orang Suluk. Namun semua kampung ini bernaung di bawah seorang pembesar Sulu, seperti Datu Haroun al Raschid di kinabatangan dan Dato Toongal di Pulau Gaya.¹¹ Orang Bajau yang menjadi ketua pada waktu itu dikatakan mesti berdarah Suluk dan bukannya Bajau tulen. Ini disebabkan oleh kedudukan status sosial yang diamalkan oleh Kesultanan Sulu bahawa orang Bajau sebahagiannya adalah pengikut setia kepada pembesar Sulu dan sebahagiannya lagi adalah hamba-hambanya.¹² Pelaut Bajau mendirikan penempatan di persisir pantai dan hiliran sungai kerana kehidupan mereka banyak bergantung kepada laut sebagai medium pekerjaan utama dan keperluan sumber makanan bersama-sama pelaut Suluk. Dengan kemahiran dan kebolehan di laut, mereka dapat menguasai hasil laut sebagai pengeluar sumber laut seperti pendaratan pelbagai jenis ikan, tripang, mutiara, rumpai laut, udang, ketam, kerang dan sebagainya.

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 8.

¹¹ No. Fail, H-GN-02, *Dairy of a Trip Up the Kinabatangan River By W. Pyrer 1881*. hlm. 4.

¹² Temuramah dengan Hatta Yunus @ Sawabi, Presiden Persatuan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Suluk Sandakan (PUSAKA), Sandakan, 29 Oktober 2016.


Degan kekayaan sumber laut dan hutan, peranan pembesar Sulu dan hubungan mereka dengan penduduk, dapatlah difahami bahawa Kesultanan Sulu melaksanakan dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut di pantai timur Borneo Utara. Dengan dasar ini secara tidak langsung telah mengukuhkan kedudukan dan kuasa kesultanan Sulu sama ada di peringkat pusat mahupun wilayah jajahannya. Usaha pembesar Sulu yang bertindak sebagai pemodal dilihat dapat mempercepatkan proses perkembangannya dalam menguasai sumber laut.

Dari segi proses pelaksanaan dasar, dari pusat pemerintahan Kesultanan Sulu di Jolo ke wilayah jajahan boleh dibahagikan kepada tiga tahap (Rajah 3.2). Berdasarkan rajah ini jelas menunjukkan bahawa proses pelaksanaan dasar pemerintah Kesultanan Sulu dalam ekonomi kelautan bermula dari pemerintahan pusat di Jolo yang melibatkan kuasa Sultan Sulu dan anggota *Rumah Bichara*.¹³ Secara umumnya, pada tahap ini dasar yang hendak dilaksanakan akan dibincangkan dan dibahaskan terlebih dahulu di *Rumah Bichara* sebelum diputuskan. Sultan tidak boleh melaksanakan sesuatu dasar tanpa kebenaran *Rumah Bichara*. Dalam hal ini, kuasa dan peranan *Rumah Bichara* sangat penting dalam soal merangka membuat, meluluskan, membatalkan sesuatu dasar kerajaan. Pada tahap kedua, di peringkat wilayah jajahan termasuklah pantai timur Borneo Utara, kuasa dipegang oleh pembesar Sulu sebagai pemerintah dan pelaksana semua dasar ekonomi kelautan kerajaan yang

¹³ *Rumah Bichara* yang diwujudkan oleh pemerintahan Kesultanan Sulu merupakan sebuah Dewan Kerajaan yang sangat penting bukan sahaja berperanan dalam membincangkan semua perundangan yang akan dikuatkuasakan, membentuk dasar kewangan, peraturan yang dipatuhi, menetapkan cukai kastam dan memutuskan segala tindakan yang dilaksanakan tetapi juga berkuasa dalam perlantikan atau menurunkan seseorang Sultan. Dengan kuasa dan peranan yang dimiliki oleh dewan ini secara langsung telah menjadi asas kepada pembentukan dasar yang dilaksanakan sama ada di peringkat pusat pemerintahan di Jolo mahupun di peringkat tanah jajahannya. Sebab itulah keanggotaan tetap dewan ini terdiri daripada sultan dan pembesar dari golongan aristokrat bergantung dengan kuasa Sultan pada waktu itu, tidak tetap dan sentiasa berubah-ubah bilangannya. Antara anggota dewan ini termasuklah seperti Raja Muda, Datu Muluk Kahal, Datu Maharaja Laila, Datu Naiyib, Datu Mukbilul, Datu Milbedal, Orang Kaya Malik, Orang Kaya Shahbandar, Panglima Halis, Datu Sailama, Laksamana dan Orang Kaya di Gadong dan sebagainya. Sultan tidak boleh secara terus melaksanakan suatu dasar tanpa dibincangkan di dewan ini. Perbincangan suatu dasar akan diputuskan melalui cara undi anggota dewan dengan menggunakan prinsip kelebihan majoriti. Untuk keterangan lanjut mengenai hal ini rujuk Cesar Adib Majul, Shamsuddin Jaapar), *Islam di Filipina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 485-495, Andrian Lapijan, *Orang Laut Bajak Laut Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi Abad XIX*, Jakarta: Komunitas Bambu, 2009, hlm. 175.

diarahkan oleh sultan. Mereka dibantu oleh ketua tempatan sebagai ketua dalam perkampungan atau komoniti yang terletak di bawah kekuasaan kesultanan Sulu. Biasanya ketua tempatan ini menjadi perantaraan di antara pembesar Sulu dengan penduduk tempatan terutamanya dalam menguasai sumber laut dan sumber hutan. Ketua tempatan ini terdiri daripada individu yang bergelar sebagai Panglima, Tuan dan Maharaja.

Rajah 1: Proses pelaksanaan Dasar Pemerintah Kesultanan Sulu dalam Ekonomi kelautan di pantai timur Borneo Utara



Pada tahap ketiga, melibatkan peranan penduduk tempatan dan hamba yang bertindak sebagai pengeluar dalam ekonomi kelautan. Penduduk tempatan terdiri daripada orang Bajau, orang Sungai, orang Idahan, orang Suluk, orang Bugis, orang Iranun dan orang Balangingi. Semantara hamba pula terdiri daripada hamba *banyaga* dan hamba *kiapangdilihan*. Mereka merupakan pengeluar utama komoditi di pantai timur Borneo Utara, misalnya sarang burung diperolehi oleh orang Idahan dan Suluk, komoditi tripang dan mutiara diperolehi oleh pelaut

Bajau dan Suluk. Mereka juga mempunyai kemahiran menghasilkan produk berasaskan hasil laut, seperti ikan masin dan ikan kering, mutiara, tripang kering, kulit penyu dan sirip jerung. Bukan sahaja itu, mereka juga menghasilkan garam yang amat diperlukan oleh pedagang dan produk laut. Oleh itu, pembesar Sulu amat memerlukan mereka untuk mendapatkan hasil tersebut dalam memenuhi permintaan dari Benua China dan pelabuhan Jolo.

Penguasaan Komoditi Berasaskan Sumber Laut

Dengan dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut, pembesar Sulu memainkan peranan yang penting sebagai pelaksana di pantai timur Borneo Utara seperti mana yang telah dibincangkan. Mereka bukan sahaja bertindak sebagai pemerintah bagi Sultan Sulu di Jolo tetapi juga bertanggungjawab untuk menguasai ekonomi kelautan khususnya hasil-hasil laut dan pemburuan hamba bagi kepentingan pelabuhan Jolo. Melalui dasar ini, mereka telah menguasai enam kategori komoditi utama yang mempunyai nilai yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa iaitu tripang, mutiara, garam, pelbagai spesies ikan, produk berasaskan hasil laut dan sarang burung. Semua komoditi ini sangat penting bukan sahaja untuk monopoli aktiviti perdagangan tetapi juga mengukuhkan kedudukan Jolo dan memenuhi permintaan yang tinggi dari China.

Penangkapan dan pendaratan hasil laut di pantai timur Borneo Utara telah memperlihatkan penguasaan sepenuhnya pembesar Sulu bagi pihak Sultan Sulu. Mereka melaksanakan dasar “memiliknegarakan” wilayah-wilayah di kawasan pantai timur Borneo Utara bagi membolehkannya membangunkan ekonomi kelautan tanpa sebarang persaingan. Harus juga diingat semua dasar yang dilaksanakan adalah bermatlamatkan untuk kepentingan ekonomi Kesultanan Sulu di Jolo dan bukannya untuk membangunkan ekonomi jajahannya di pantai timur Borneo Utara semata-mata. Dengan itu, hasil laut dan sumber hutan yang diperolehi menyeberangi Laut Sulu untuk diperdagangkan di pelabuhan Jolo sepertimana yang dinyatakan oleh Anne Lidsey Reber:

Slaves were very valuable, both economically and politically. They formed his private army and no datu went out unaccompanied by a group of armed retainers. They owed his boats, cultivated his land and collected the

*merchandies-birds nest, tripang and pearls which he used for trading.*¹⁴

Tripang (*holothuria/holoturoid spp.*)¹⁵ dikenali juga sebagai *Beche-de-mer*, *Sea cucumber*, dan timun laut ataupun *bat/ balat*. Sumber ini telah muncul sebagai salah satu komoditi yang amat penting dalam sejarah ekonomi kelautan di persisir pantai timur Borneo Utara khususnya semasa pemerintahan kesultanan Sulu. Antara taburan utama penangkapan dan pengeluaran tripang di laut Sulu dan Sulawesi termasuklah di kawasan perairan Pulau Pangutaraan, Panducan, Siassi, Tawi-Tawi, Sitangkai di kepulauan Sulu, Teluk Sandakan dan Sabahan di Borneo Utara.¹⁶ Terdapat lebih 60 spesis tripang yang dijumpai di Laut Sulu dan Celebes dan ada juga yang menyatakan lebih daripada 30 spesis tripang. Namun daripada keseluruhan jenis tersebut hanya dua spesis tripang yang didaratkan mengikut kategori warna iaitu tripang berwarna hitam dan berwarna putih pada waktu itu. Tripang berwarna putih yang juga dikenali sebagai tripang susu mempunyai nilai harga dan kualiti yang tinggi di pasaran antarabangsa berbanding tripang hitam. Menurut James Warren:

*More than sixty species of tripang [principally holothuria spp] are found in the Sulu and Celebes seas. At the beginning of the nineteenth century, tripang fisheries were found throughout the whole of the sulu chain, but especially near the islands of Pangutaraan, Panducan, Siassi, Tawi-tawi and Sitangkai. Hunt mentions that Samal Bajau Laut were dependent on collecting and processing tripang for their livelihood in all these localities as well as in Sandakan Bay, Sabahan, and places further south along the coast.*¹⁷

¹⁴ Anne Lindsey Reber, *The Sulu World in the Eighteenth and Early Nineteenth Centuries: A Historiographical Problem in British Writings on Malay Piracy*, Ithaca: Cornell University, 1996, hlm. 7.

¹⁵ Untuk keterangan lanjut mengenai tripang secara saintifik, rujuk Alessandro Lovatelli and Marcelo Vasconcellos, *Sea Cucumbers A Global Review of Fisheries and Trade*, Rome, 2008; Ridwan Hashim, *Sumber Makanan Persisiran Laut Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

¹⁶ Ismail Ali, *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Negeri Sabah*, hlm. 16.

¹⁷ James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 69.

Pelaut Bajau memunggut tripang di perairan cetek dan juga menyelam di perairan yang agak dalam di kawasan batu karang.¹⁸ Kegiatan seperti ini dijalankan sepanjang tahun tetapi biasanya aktiviti yang paling penting di kepulauan Sulu tertumpu pada bulan Mei, Jun dan Julai. Dari segi pendaratan tripang jelas memperlihatkan peningkatan dari tahun ke tahun dan terbukti melalui jumlah eksport Jolo ke China. Ini disebabkan oleh kegunaan tripang yang diperlukan dalam dunia perubatan tradisional, maka tidak hairanlah mengapa pedagang dari China sanggup mengharungi Laut China Selatan untuk sampai ke Jolo semata-mata untuk mendapatkan sumber ini. Misalnya, pada tahun 1761 tripang kering yang telah dieksport dari Jolo ke China antara 1,000 sehingga 10,000 pikul. Manakala pada tahun 1835 pula, berlaku peningkatan eksport ke China iaitu sebanyak lebih dari 10,000 pikul tripang.¹⁹

Selain daripada tripang, sumber laut utama yang didaratkan di pantai timur Borneo Utara ialah mutiara. Sumber ini diperolehi daripada sejenis tiram yang dikenali oleh penduduk tempatan sebagai *tepai*, *selisip*, dan *beloong* ataupun *mother of pearl shell* yang biasanya dihubungkan dengan kecantikan dan perhiasan. Mutiara mendapat permintaan yang tinggi dalam pasaran antarabangsa setelah pedagang China Manila dan *country trades* menyedari sumber tersebut amat diperlukan dalam perusahaan barang kemas, pembuatan pisau dan perabot di Ceylon dan Eropah. Kemashyuran mutiara Sulu yang terdapat di perairan kepulauan Sulu merupakan antara mutiara terbaik di dunia dan bernilai tinggi sepertimana yang tercatat di dalam rekod-rekod China pada tahun 1349 seperti berikut:

*The Su-lu pearl, which are better than those produced at
Sha-lipa-chou, Ti-san-kan [third port] and other places,
are white and round. Their price is very high. The Chinese
used them for head ornaments. Their colour never fades,
and so they are considered the most precious rarities.*

¹⁸ Rujuk Muhammad Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemunggutan Tripang ke Penundaan Undang*, hlm. 88.

¹⁹ Untuk keterangan lanjut mengenai eksport tripang, rujuk James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898, The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 65.

There are some about an inch in diameter. Even in the place of production the large pearls cost over seven or eight hundred "ting". The medium ones cost two three hundred "ting", the small ones ten or twenty 'ting'.²⁰

Gambar 1: Pendaratan Kulit Mutiara oleh Pelaut Bajau dan Suluk



Sumber: Sixto Y. Orosa, *The Sulu Archipelago and its people*, New York: World Book Company, 1931, hlm. 21

Di perairan pantai timur Borneo utara, mutiara banyak diperolehi khususnya di Teluk Marudu, Labuk, Teluk Sandakan dan Sabahan. Bagaimanapun kawasan Labuk yang terletak dalam jajahan Magindora merupakan pengeluar utama mutiara. Sepertimana juga tripang, mutiara turun didaratkan dengan tangan oleh penyelam tempatan dan aktiviti penyelaman ini dijalankan dalam dua musim iaitu musim pertama sekitar pertengahan bulan Disember pada akhir monsun barat daya manakala musim kedua dari bulan Februari hingga bulan Mei.²¹ Aktiviti penyelaman mutiara ini sudah tentu memerlukan kemahiran yang tinggi dan bilangan tenaga penyelam yang ramai.

²⁰ James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 71-72.

²¹ Untuk keterangan lanjut rujuk James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 72.

Melihat keadaan ini pembesar Sulu bersama pengikutnya yang terdiri daripada orang Samal Bajau Laut yang dikenali sebagai *pangloorook* telah mengharungi ombak dan badai di Laut Sulu semata-mata untuk mendapatkan mutiara yang amat bernilai pada ketika itu.

Kebiasaannya seramai 600 hingga 700 orang penyelam bekerja setiap hari dan secara purata dua atau tiga orang penyelam berjaya mendaratkan di antara 40 hingga 50 tiram sehari. Misalnya pada tahun 1878 kira-kira 200 orang nelayan Bajau laut diperlukan untuk kerja penyelaman dan pemungutan mutiara antara bulan Januari hingga Mac.²² Walaupun aktiviti penyelaman mutiara menjanjikan hasil yang lumayan, tetapi tidak dinafikan juga setiap penyelam Bajau laut sentiasa terdedah kepada pelbagai risiko dan bahaya khususnya serangan daripada ikan jerung yang berkeliaran di dasar laut yang kaya dengan sumber mutiara. Pada tahun 1830, pembesar Sulu dan ketua Bajau telah mendapatkan khidmat kira-kira 68,000 hamba untuk mengumpul mutiara dan tripang. Sementara itu, J.Hunt pula telah melaporkan bahawa kira-kira 100 orang nelayan Bajau di Towson Duyon; 30 hingga 40 orang Bajau di Loo-Loo; 800 orang Bajau di Tawi-Tawi yang diketuai oleh Datu Mulut Mondarasa dan Datu Adanan dan kira-kira 15,000 orang nelayan Bajau di Basilan telah diperlukan untuk mengumpul dan menghasilkan tripang, sarang burung, kulit tepoi dan kulit penyau.²³

Sementara, penangkapan ikan dijalankan oleh pelaut Bajau sama ada secara persendirian mahu pun secara berkumpulan bergantung dengan jenis peralatan atau perkakas yang digunakan. semua perkakas ini masih lagi bercirikan tradisional dan pelaksanaan lebih berorientasikan tenaga buruh khususnya penggunaan kaedah kelong dan selambau yang dimiliki sepenuhnya oleh pembesar Sulu. Walaupun sifatnya adalah tradisional, namun jumlah tangkapan ikan digambarkan adalah tinggi untuk memenuhi permintaan pedagang luar dan tempatan. Pelbagai spesis ikan yang ditangkap oleh nelayan seperti ikan putih, ikan merah, ikan belais, ikan ketambak, ikan kuaru, ikan pari, ikan sembilang,

²² Ismail Ali, *Pembangunan Industri Hiliran berasaskan perikanan di negeri Sabah*, hlm. 17.

²³ Ismail Ali, *Perkembangan Teknologi Menangkap Ikan di Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009, hlm. 4-5.

ikan duai, ikan temanong, ikan basung, ikan gerunggong, ikan bilis, ikan lumahan, ikan belanak, ikan kitang, ikan usus, ikan gumbir, kerapu, ikan utik, ikan unga, ikan pasir-pasir, ikan lapei, ikan pisang-pisang, ikan lantaran, anluping, ikan kerisi, ikan bedukang dan ikan jerung. Semua spesies ikan ini ditangkap dan didaratkan oleh pelaut Bajau khususnya yang terlibat secara langsung dalam perekonomian maritim. Walau bagaimanapun, bukti pendaratan ikan yang dilakukan pada waktu itu tidak dinyatakan secara jelas dalam rekod sejarah dan penulisan ilmiah yang hanya menyebut secara umum sahaja. Ini kemungkinan besar disebabkan oleh kekurangan sumber yang berkaitan dengan pendaratan ikan sama ada di pantai timur Borneo Utara ataupun di kepulauan Sulu. Apa yang jelas bahawa berlakunya peningkatan tangkapan ikan dari semasa ke semasa di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu. Peningkatan tangkapan ikan ini sebenarnya banyak dipengaruhi oleh peranan pembesar Sulu dalam usaha menguasai dan memonopoli ekonomi kelautan di samping penglibatan langsung pelaut Bajau.

Pada abad ke-18 dan ke-19, perusahaan pembuatan garam sangat penting di kepulauan Sulu termasuklah di pantai timur Borneo Utara. Kepentingan ini berhubung kait dalam aspek perdagangan sumber laut dan penghasilan produk berasaskan perikanan pada waktu itu. Secara dasarnya, di kepulauan Sulu perusahaan ini dikuasai oleh pembesar Sulu dan orang Samal yang tinggal di kawasan pantai bakau di pulau Balangingi, Pulau Tunkil dan sekitar Teluk Marudu di Borneo Utara. Menurut Owen Rutter:

The average Bajau is well built and often handsome, with bright eyes, a graceful figure and close-cropped hair; he swims like fish and is an intrepid seaman; to watch him handling his small dugout with an enormous sail in a tearing wind would earn the admiration of a member of the R.Y.S....He earns a precarious livelihood by fishing, collecting sea-produce and making salt.²⁴

Namun, hakikatnya pengeluar sebenar telah dijalankan oleh hamba-hamba yang terdiri dari komuniti Samal, Samal Bajau dan Kalibungan. Menurut Alexander Dalrymple, Pulau Bolod yang terletak di

²⁴ Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes*, Kota Kinabalu: Opus publication, 2008, hlm. 74.

utara Jolo sebagai satu kawasan yang mempunyai potensi besar dalam perusahaan garam disebabkan oleh *low and flooded, which affords a conveniency for making much salt*.²⁵ Mereka membuat garam dengan menggunakan kaedah tradisional seperti mana yang digambarkan oleh Thomas Forrest.²⁶ Setelah garam terhasil, ia digunakan dalam perusahaan tripang sebagai bahan preservasi. Pembesar Sulu menukarkan garam, ikan kering dan ikan mesin tersebut dengan padi bukit, sarang burung, lilin dan kapur barus yang dikeluarkan oleh penduduk di kawasan pedalaman. Terdapat juga sebahagian garam yang dihasilkan akan dipasarkan di Jolo, Basilan, Palawan dan Mindanao. Dengan memonopoli perusahaan garam, pembesar Sulu dapat menggunakannya sebagai pemodal dalam menguasai sumber ekonomi laut dan hasil hutan di pantai timur Borneo Utara. Mereka menjadi pembekal utama garam yang digunakan oleh komuniti Samal, Bajau Laut, dan komuniti persisir pantai dalam perusahaan ikan mesin termasuk juga permintaan dari perdagangan antarabangsa khususnya dengan Benua China.

Penguasaan pembesar Sulu dalam pembuatan garam secara langsung mereka juga dapat menguasai penghasilan produk-produk berasaskan hasil laut. Antara produk utama ialah tripang kering, mutiara, ikan kering dan ikan masin, sirip jerung dan kulit penyu. Semua produk yang dihasilkan ini mendapat permintaan yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutamanya dari pedagang China. Pemprosesan produk ini adalah secara tradisional iaitu berasaskan kepada kaedah penggaraman, pengasapan dan pengeringan sahaja. Misalnya, produk tripang kering yang dihasilkan adalah bertujuan untuk memenuhi pasaran di Benua China untuk tujuan dunia perubatan dan kecantikan. Maka, tidak hairanlah mengapa pedagang China sanggup merentasi Laut China Selatan dan Laut Sulu untuk sampai ke Manila dan Jolo adalah semata-mata untuk mendapatkan komoditi tripang dan tersebut.²⁷ kaedah penghasilan tripang kering dimulakan dengan

²⁵ James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 71

²⁶ Untuk keterangan lanjut mengenai proses pembuatan garam, rujuk Thomas Forrest, *A Voyage to New Guinea and the Moluccas from Balambangan: Including an Account of Magindano, Sooloo and Other Island*, G. Scott. London, 1779, hlm. 221.

²⁷ Ismail Ali, *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Negeri Sabah*, hlm. 16.

membelah perut tripang yang sudah didaratkan oleh nelayan untuk mengeluarkan organ dalaman yang tidak diperlukan sebelum dibasuh dengan air laut. Kemudian, tripang tersebut akan digaramkan terlebih dahulu dengan menggunakan garam kasar yang dibekalkan oleh pembesar Sulu dan akhir dikeringkan sama ada menggunakan sinaran matahari ataupun asap sahaja sebelum diserahkan kepada pembesar Sulu.²⁸

Selain daripada penguasaan sumber laut, dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut juga melibatkan kekayaan sumber hutan antaranya komoditi utama termasuklah lilin sarang lebah, kapur barus, rotan, sarang burung dan cengkik. Namun, sumber hutan yang paling popular ialah sarang burung berbanding daripada komoditi yang lain dan turut mempunyai nilai yang tinggi di pasaran China. Komoditi ini diperolehi terutamanya dari gua batu kapur seperti di Teluk marudu, Labuk, Teluk Sandakan, Kinabatangan, Giong, Madai, Sabahan, Tidong, Sibuko, Sambakong, Leo & Li Dong, Sicatak dan Kuran atau Berau.²⁹ Sarang burung ini terdiri daripada dua jenis kategori iaitu sarang burung berwarna putih dan sarang burung berwarna hitam atau lain-lain warna. Dari segi nilai dan harga, sarang berwarna putih adalah paling bernilai dan dijual antara dua puluh hingga dua puluh lima peso atau lebih bagi nilai perak dan sekati beratnya. Manakala sarang berwarna hitam dan lain-lain warna adalah lebih rendah nilainya iaitu diperintahkan kira-kira satu per sepuluh harga sarang berwarna putih.

Pada tahun 1837, sarang burung bernilai antara 200 dan 250 peso per pikul dan telah dihantar secara eksklusif kepada China, di mana sarang burung telah dimasukkan dalam 49 daripada 67 kargo import antara 1805 dan 1830, dan telah dihantar oleh kapal dengan jumlah yang berbeza-beza kurang dari lima belas kati untuk meningkat 100 pikul.³⁰ Kegunaan sarang burung ini ialah untuk bekalan makanan dan dijadikan sup perubatan menerusi amalan masyarakat China. Seperti juga sumber lain, pengeluaran sarang burung turut dikuasai dan dimonopoli oleh

²⁸ David E. Sopher, *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*, Singapore: National Museum Singapore, 1965, hlm. 246.

²⁹ Muhammad Raduan Mohd. Ariff, *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Udang*, hlm. 97

³⁰ James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 62.

golongan pemerintah Sulu. Ini terbukti dalam catatan W.B. Pryer pada 13 Mac 1878, yang menyebut bahawa gua sarang burung di Borneo Utara dimiliki oleh Sultan Sulu. Misalnya, sarang burung di Kinabatangan, beberapa orang pemimpin tempatan telah diberikan konsesi oleh Sultan Sulu dan mereka yang menerima konsesi ini mesti patuh dan taat kepada sultan. Sekiranya mereka membuat penyelewengan, mereka akan dimusnahkan dan digantikan dengan pemimpin yang lain.³¹

Justeru itu, penguasaan komoditi berasaskan sumber laut oleh pembesar-pembesar Sulu di pantai timur Borneo Utara telah memberikan sumber kekayaan dan manfaat yang besar kepada kelangsungan Kesultanan Sulu. Sebahagian komoditi utama yang dikuasai sepenuhnya seperti tripang, mutiara, pelbagai spesis ikan dan produk berasaskan hasil laut dikumpulkan di Sandakan sebelum dihantar ke Jolo. Penghantaran ini sudah tentu dapat memenuhi permintaan tinggi dari pedagang seperti pedagang Cina, pedagang India (Calcutta), pedagang Eropah dan pedagang tempatan (Bugis dan pembesar Sulu). Manakala, sebahagiannya lagi diperdagangkan oleh pembesar yang bertindak menjadi pedagang di pantai timur Borneo Utara. Untuk merencanakan aktiviti perdagangan di wilayah ini, mereka telah mendirikan sebanyak 15 buah pusat perdagangan termasuklah di Balambangan, Marudu, Paitan, Sugut, Labuk, Marudu, Kinabatangan, Malapi, Segama, Sabahan, Sandakan dan sebagainya.³²

Kesan Pelaksanaan Dasar

Pelaksanaan dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber ini telah memberi kesan yang besar dalam pembangunan ekonomi kelautan khususnya di perairan pantai timur Borneo Utara. Secara ringkasnya, terdapat tiga kesan utama pelaksanaan dasar ini iaitu meningkatkan jumlah eksport hasil laut Borneo Utara ke Jolo, menambahkan teknologi dan peralatan penangkapan ikan dan mewujudkan pelbagai jenis perahu.

³¹ Untuk keterangan lanjut mengenai sarang burung ini rujuk *C.O.874/67: Diary of W.B.Pryer*, 13 Mac 1878, folio 26-28; *C.O.874/768: Birds Nests and Guano Concessions, The Kinabatangan, Enclosure D*, Folio. 107-110 (mikrofilem).

³² Untuk keterangan lanjut mengenai pusat perdagangan ini rujuk, James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 103.

Semua kesan ini bukan sahaja memberi keuntungan kepada pemerintah tetapi juga memberi hasil yang positif kepada pembudayaan maritim oleh masyarakat persisir pantai. Kesan pertama, dengan dasar ini secara langsung telah meningkatkan jumlah eksport hasil laut Borneo Utara ke Jolo. Ini adalah bertujuan untuk mengekalkan dan meneruskan kepentingan Jolo sebagai sebuah pelabuhan intreport yang menjadi tumpuan utama di rantau Asia Tenggara berbanding dengan lain-lain pelabuhan. Peningkatan jumlah eksport produk laut ke Jolo boleh dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah Eksport Hasil Laut dari Borneo Utara Ke Sulu

Wilayah & Petempatan	Tripang	Mutiara	Kulit Penyu
Wilayah Marudu			
Teluk Marudu	-	25 kati	50 pikul
Paitan	-	-	c.q
Sugut	c.q	-	-
Labuk	-	c.q	-
Wilayah Magindora			
Teluk Sandakan	150 pikul	5 kat	-
Kinabatangan	-	-	-
Giong	-	-	-
Madai	-	-	-
Sabahan	40 pikul	c.q	-
Tidong	u.q	-	u.q
Wilayah Tirun			
Sibuco	-	-	-
Sambakong	-	-	-
Leo & Li Dong	-	-	-
Sicatak	-	-	-
Bulungan	-	-	-
Kuran/ Berau	1000 pikul	-	10 pikul

*catatan: u.q. [*unspecified quantity*] dan c.q. [*considerable quantity*].

Sumber: Diubah suai dari sumber asal rujuk James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 94

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan jumlah eksport tripang, mutiara dan kulit penyu dari tanah jajahan kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara yang dibahagikan kepada tiga wilayah iaitu wilayah Marudu, wilayah Magindora dan wilayah Tirun. Setiap wilayah mempunyai petempatan-petempatan utama yang menjadi pusat pemerintahan pembesar-pembesar Sulu selaku wakil sultan sama ada

secara langsung ataupun tidak langsung. Melalui jadual tersebut dapatlah difahami bahawa kurau/Berau (wilayah Tirun) adalah pengeluar utama produk tripang di pantai timur Borneo Utara iaitu sebanyak 1,000 pikul dan diikuti oleh Teluk Sandakan dan Sabahan (wilayah magindora) masing-masing sebanyak 150 pikul dan 40 pikul.

Selain daripada itu, peranan Sultan Sulu dan pembesarnya dalam melaksanakan eksport tahunan bergantung dengan permintaan setiap jenis komoditi laut utama. Perkara ini terbukti melalui jumlah eksport komoditi tripang, mutiara, kulit penyu dan sirip ikan jerung oleh Sultan Bantilan pada tahun 1761 dan Datu Emir Bahar pada tahun 1835 kepada Alexander Darlympe seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Berdasarkan Jadual 3 menunjukkan pada tahun 1761, Sultan Batilan (Muaizz-ud-Din) telah mengeksport komoditi laut yang terdiri daripada tripang, mutiara, kulit penyu dan jerung kepada Alexander Darlympe kira-kira 35,400 pikul. Manakala pada tahun 1835 pula, Datu Emir Kahar telah mengeksport komoditi laut yang sama iaitu tripang, mutiara, kulit penyu dan jerung kepada Alexander Darlympe kira-kira 23,200 pikul.

**Jadual 3: Eksport Tahunan Kesultanan Sulu
kepada Alexander Darlympe**

Komoditi Laut	Sultan Bantilan (Muaizz-ud-Din 1761) (pikul)	Datu Emir Bahar [1835] (pikul)
Tripang	1,000-10,000	10,000
Mutiara	2,000	12,000
Kulit penyu	100	600
Sirip jerung	100	600
Jumlah	35,400	23,200

Sumber: Diubah suai dari sumber asal rujuk James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, Singapore: Singapore University Press, 1981, hlm. 65.

Kesan kedua, melalui dasar ini juga telah mempelbagaikan jenis teknologi dan peralatan penangkapan ikan dalam kalangan pelaut Bajau dan Suluk. Secara umumnya, terdapat sembilan jenis peralatan yang digunakan semasa era kesultanan Sulu di pantai timur Borneo Utara iaitu pemunggutan dengan tangan, batang kayu berlubang, menyelam, *bujak*

dan serampang, *hilaruk*, bubu patung, menuba, menjala, kelong dan selambau. Semua peralatan ini adalah berfungsi untuk meningkatkan pendaratan hasil laut sama ada dalam skala kecil mahupun skala besar untuk tujuan komersial. Misalnya, pembesar Sulu telah memperkenalkan dua kaedah baru iaitu selambau dan kelong. Kedua-duanya dimiliki dan diuruskendalikan oleh pembesar Sulu sepenuhnya kerana proses pembuatan dan pemasangannya adalah rumit dan melibatkan bilangan tenaga manusia yang ramai. Penangkapan ikan menggunakan kaedah ini memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang mendalam bukan sahaja dalam aspek pembinaan kelong tetapi juga terhadap ciri fizikal laut dan habitat ikan. Anggaran tangkapan sebuah kelong lebih 10 pikul sekali tarik.³³ Antara spesies ikan yang didaratkan termasuklah ikan putih, ikan merah, ikan belais, ikan ketambak, ikan kurau, ikan pari, sotong kelabutan, sembilang dan sebagainya dalam kuantiti yang besar.³⁴ Apa yang unikunya, sebahagian besar peralatan ini masih lagi digunakan oleh nelayan dan diwarisi sehingga ke hari ini.

Kesan ketiga, dasar ini juga telah mempelbagaikan jenis perahu di perairan pantai timur Borneo Utara yang biasanya digunakan oleh pelaut Bajau dan Suluk. Ini disebabkan oleh usaha pembesar sulu membawa masuk beberapa jenis perahu dari selatan Filipina dan dibudayakan di perairan Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Tujuannya adalah untuk mengeksploitasi sumber laut dan mengangkut pelbagai komoditi laut dan hutan yang berharga ke Jolo untuk pasaran antarabangsa. Antara jenis perahu milik kesultanan Sulu tersebut termasuklah *kora-kora*, *garay*, *barangayan*, *salisipan*, *lanong*, *joangga*, *bogoo*, *lamag*, *Vintas* dan sebagainya. Semua perahu ini dimiliki oleh pembesar-pembesar sulu dan dibekalkan kepada para pelaut atau nelayan untuk digunakan dalam menjalankan aktiviti menangkap ikan khususnya dan digunakan juga dalam ekspedisi perlanunan dan pemburuan hamba. Sebahagian perahu tersebut juga masih kelihatan di perairan pantai timur Borneo Utara dan digunakan untuk menangkap ikan sehingga hari ini.

³³ Temuramah dengan Hj Saad, Jenis-jenis peralatan menangkap ikan semasa Kesultanan Sulu, 26 Disember 2016, semporna.

³⁴ Mengikut adat Sulu, sesiapa sahaja yang lalu di kawasan kelong dibenarkan melembing ikan-ikan dan mengambilnya sekadar yang diperlukan untuk kegunaan sendiri bukan untuk diniagakan. Sebahagian besar yang ditinggalkan adalah milik tuan kelong tersebut. Adat sebegini sudah tentu dapat mengeratkan lagi hubungan antara pembesar Sulu dengan masyarakat persisir pantai. Owen Rutter, *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Native Tribes*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2008, hlm. 317.

Gambar 3: Kapal Garay Milik Pembesar Sulu



Sumber: Sixto Y. Orosa, *The Sulu Archipelago and Its People*, New York: World Book Company, 1931, hlm. 28; James Warren, *At The Edge of Southeast Asian History*, Quezon City: new Day Publishers, 1987, hlm. 42.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dasar dominasi ekonomi berasaskan sumber laut yang diperkenalkan oleh Kesultanan Sulu telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu bukan sahaja untuk menguasai komoditi berasaskan sumber laut tetapi juga untuk kepentingan ekonomi di Jolo. Kejayaan ini banyak ditentukan oleh peranan pembesar Sulu yang bertindak sebagai pelaksana dan pemodal dalam pembangunan ekonomi di pantai timur Borneo Utara. Dengan dasar ini jelas memperlihatkan kebijaksanaan pembesar Sulu menguasai ekonomi berasaskan hasil laut yang banyak memberi manfaat dan keuntungan kepada golongan pemerintah. Ini kerana pantai timur Borneo Utara kaya dengan sumber daya semulajadi sama ada sumber laut mahupun hasil hutannya termasuklah seperti tripang, mutiara, udang, pelbagai jenis ikan, penyu dan sebagainya, manakala hasil hutan seperti damar, rotan, kayu, sarang burung, lilin dan lain-lain lagi. Semua komoditi ini mempunyai nilai yang tinggi di pasaran Jolo dan keperluan perdagangan dengan Benua China khususnya. Dengan itu, penguasaan komoditi ini secara tidak langsung telah menjadi

tulang belakang kekuatan ekonomi dan kemakmuran kesultanan Sulu. Walau bagaimanapun, kemakmuran yang dicipta Sulu ini hancur apabila Filipina dijajah oleh Sepanyol dan keadaan ini mengakibatkan kesultanan Sulu menjadi lemah dan terpaksa menyerahkan wilayahnya di pantai timur Borneo Utara kepada British North Borneo Chartered Company.

Rujukan

Sumber Primer

An Account of What Has Passed Between the India Directors and Alexander Dalrymple Intended as An Introduction to Plan for Extending the Commerce of This Kingdom, and the Company in the East-Indies By An Establishment at Balambangan. 1769

H-GN-02, Dairy of a Trip Up the Kinabatangan River By W. Pryer 1881.

C.O.874/67: *Diary of W.B.Pryer*, 13 mac 1878, folio 26-28. Mikrofilem.

C.O.874/768: *Birds Nests and Guano Concessions, The Kinabatangan, Enclosure D*, Folio. 107-110. Mikrofilem.

Smith, Lt. E. L. *Report On Sulu Moros*, Jolo, 23 September 1908.

Sumber Buku dan Jurnal

Cartier, C. 1999. Cosmopolitics and the Maritime World City. *Geographical Review*. Vol. 89. No. 2. Oceans Connect (April 1999). Hlm. 278-289.

Forrest, T. 1779. *A Voyage to New Guinea and the Moluccas from Balambangan: Including an Account of Magindano, Sooloo and other Island*. London: G. Scott.

Ismail Ali. 2007. *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Negeri Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Ismail Ali. 2009. *Perkembangan Teknologi Menangkap Ikan di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Lapian, A. 2009. *Orang Laut Bajak Laut Raja Laut: Sejarah Kawasan Laut Sulawesi abad XIX*. Jakarta: Komunitas Bambu.

Lovatelli, A. dan Vasconcellos, M. 2008. *Sea Cucumbers A Global Review Of Fisheries And Trade*. Rome

Majul, C. A. 1988. *Islam di Filipina*. (Terj. Shamsuddin Jaapar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Orosa, S. Y. 1931. *The Sulu Archipelago and its people*. New York: World Book Company.

Reber, A. L. 1996. *The Sulu World in the Eighteenth and Early Nineteenth centuries: A Historiographical Problem in British Writings on Malay Piracy*. Ithaca: Cornell University.

*Dasar Dominasi Ekonomi Berasaskan Sumber
Laut di Pantai Timur Borneo Utara Semasa
Zaman Kesultanan Sulu (1704-1878)*

Mosli Tarsat

- Ridwan Hashim. 1993. *Sumber Makanan Persisiran Laut Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rutter, O. 2008. *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native tribes*. Kota Kinabalu: Opus publication.
- Sopher, D. 1965. *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*. Singapore: National Museum Singapore.
- Warren, J. 1981. *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapore: Singapore University Press.
- Warren, J. 1987. *At The Edge of Southeast Asian History*. Quezon City: new Day Publishers.

Tesis

- Mosli Tarsat. 2017. *Pembangunan Ekonomi Kelautan di Pantai Timur Borneo Utara, 1704-1941. Tesis Ph.D.* Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Muhammad Raduan Ariff. 2008. *Dari Pemunggutan Tripang ke Penundaan Udang: Satu kajian Mengenai Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990. Disertasi Ph.D.* Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Temuramah

- Hj Saad. 26 Disember 2016. Semporna.
- Hatta Yunus @ Sawabi. 29 Oktober 2016. Sandakan.